

Article Info:

Published Date: 10 October 2023

*Corresponding Author: salehuddin@uitm.edu.my

ANALISA VISUAL LUKISAN MURAL: SEJARAH PERTEMBUGAN GAJAH DAN KERETAPI DI TELUK INTAN PERAK

Visual Analysis of Mural Paintings: History of Elephant and Train Collision in Teluk Intan Perak

Muhammad Salehuddin Zakaria*, Azian Tahir, Hilal Mazlan, Syed Alwi Syed Abu Bakar

Program Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan
Perak, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

To cite this article (APA): Zakaria, M. S., Tahir, A., Mazlan, H., & Abu Bakar, S. A. S. (2023). Analisa Visual Lukisan Mural: Sejarah Pertembungan Gajah dan Keretapi di Teluk Intan Perak. *KUPAS SENI*, 11(3), 74–82. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.9.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.9.2023>

ABSTRAK

Lukisan mural merupakan medan kepada barisan pelukis untuk berkarya pada ruang berskala besar seperti dinding pada bangunan atau kawasan awam. Seni lukisan mural juga merupakan lukisan yang telah lama wujud pada berabad lamanya. Penulisan ini adalah berdasarkan lokasi penghasilan lukisan mural yang berlaku di Teluk Intan bertemakan sejarah pertembungan induk gajah dengan keretapi. Selain itu visual aktiviti ekonomi yang terdapat di Teluk Intan adalah perdagangan domestik serta perdagangan antarabangsa juga dijadikan sumber rujukan. Segala aktiviti dan peristiwa yang berlaku disampaikan melalui kaedah lukisan mural di beberapa lokasi untuk menyampaikan informasi kepada masyarakat dan inspirasi kepada sektor pelancongan negara. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data iaitu melalui perbincangan dan temubual bersama Majlis Pemandaran Teluk Intan (MPTI) dengan Kerjasama pihak UiTM Cawangan Perak, Selain itu, melalui hasil carian daripada perpustakaan dan arkib serta temuramah bersama masyarakat yang tinggal di sekitar Teluk Intan sebagai sumber data dan informasi. Melalui hasil dapatan daripada kajian ini menceritakan secara terperinci tentang sejarah pertembungan gajah dengan keretapi, serta konsep idea dan ciri pengayaan yang ditonjolkan dalam lukisan mural ini. Secara tidak langsung penghasilan lukisan mural ini mempamerkan nilai estetika sekeliling dan juga platform untuk menyampaikan maklumat berkaitan sejarah sebagai wardah menyampaikan informasi secara visual sebagai tatapan umum serta menjadi tauladan kepada masyarakat mengenai kisah sejarah pertembungan gajah yang berlaku di Teluk Intan.

Kata kunci: Analisis, Lukisan Mural, Sejarah Pertembungan Gajah dengan keretapi, Teluk Intan Perak, Visual

ABSTRACT

Mural painting is a field for painters to work on large-scale spaces, such as the walls of buildings or public areas. The art of mural painting has also been around for centuries. This writing is based on the location of the production of the mural painting that took place in Teluk Intan on the theme of the history of the collision between the elephant and the train. In addition to the visual economic activities found in Teluk Intan, domestic and international trade are also used as reference sources. All the activities and events that take place are conveyed through the method of mural painting in several locations to convey information to the community and inspire the country's tourism sector. There are several methods used for data collection, namely through discussions and interviews with the Teluk Intan Municipal Council (MPTI) with the cooperation of the UiTM Perak Branch; in addition, search results from libraries and archives, as well as interviews with communities living around Teluk Intan, serve as sources of data and information. The findings from this study, tell in detail about the history of the collision between elephants and trains, as well as the concept of ideas and enrichment features highlighted in this mural painting. Indirectly, the production of this mural painting showcases the aesthetic value of the

surroundings and also serves as a platform to convey information related to history visually as a public gaze, as well as serve as an example to the community about the historical story of the elephant clash that took place in Teluk Intan.

Keywords: *Analysis, Mural Painting, History of Elephant and Train Collision, Teluk Intan Perak, Visual*

PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, lukisan mural mendapat perhatian dan sambutan yang meluas di negara ini. Visual seni mural merupakan wardah penyampaian maklumat dan bukanlah satu seni yang baharu sahaja diperkenalkan ianya merupakan satu kesenian yang tertua di dunia kerana mural ini sebenarnya bermula dari zaman prasejarah lagi. Kini seni mural telah dihasilkan di bandar-bandar besar dan juga di tempat-tempat tumpuan awam, ia biasanya dihasilkan bagi tujuan mencantikkan dinding di lorong yang kosong dan di laluan awam. Pada masa kini masyarakat semakin terbuka menerima seni dalam kehidupan (Antok, 2003). Lukisan mural juga dihasilkan secara terus pada permukaan dinding di suatu bangunan seperti lukisan mural yang telah dihasilkan di pekan Teluk Intan bagi tujuan tarikan pelancong untuk melawati daerah ini. Selain itu, mural yang terdapat di beberapa tempat strategi sangat efektif sebagai media penyampaian mesej tertentu, termasuk iklan produk tertentu yang memanfaatkan mural sebagai media promosi (Endriawan, 2017). Berdasarkan hasil penyelidikan, lukisan mural yang di Teluk Intan adalah bertemakan pertembungan gajah dan juga keretapi ini merupakan hasil kerja yang kreatif dari Program Seni Halus UiTM Seri Iskandar Perak dengan kerjasama antara pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI). Melalui proses perundingan yang telah dijalankan sumber rekaan idea yang divisualisasi dalam lukisan mural ini adalah diadaptasi melalui peristiwa perlanggaran seekor gajah dengan kereta api yang telah berlaku di Teluk Anson pada ketika itu. Namun kini Teluk Anson telah ditukar nama kepada Teluk Intan.

Tujuan projek mural ini dijalankan adalah untuk menyampaikan wardah mesej dan inspirasi kepada industri pelancongan negara. Oleh itu, projek mural ini juga mampu menyampaikan maklumat kepada masyarakat dengan penggunaan visual berdasarkan sejarah pertembungan gajah dengan keretapi yang telah berlaku di Teluk Intan pada beberapa tahun yang lalu berdasarkan ciri-ciri rekaan yang tampak lebih segar dan moden mengikut kehendak semasa (Cahyanto, 2020).

KAJIAN LITERATUR

Sejarah dan Perkembangan Ekonomi Teluk Intan

Suatu ketika lalu Teluk Intan yang dahulunya dikenali sebagai Teluk Anson merupakan antara bandar yang tertua dan terpenting di Perak sehingga kini. Ia ditubuhkan secara rasmi pada 15 Mac 1882 dan terus berkembang. Pada tahun 1911, Teluk Intan merupakan bandar yang mempunyai penduduk seramai 6,927 orang dan terus meningkat seramai 128,143 orang (2010) mengikut kajian yang telah dijalankan oleh (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011).


Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, perkembangan utama Teluk Intan ini bermula daripada kegiatan perlombongan bijih timah juga merupakan sumber ekonomi yang pesat di Lembah Kinta di mana pihak British memikirkan keperluan mewujudkan pelabuhan bagi mengeksport komoditi ini ke negara luar seperti negara Britain. Bagi menjayakan rancangan ini, jalan keretapi yang menghubungkan Tapah Road ke Teluk Anson (ketika itu) yang kini dinamakan Teluk Intan dicadangkan. Melalui aktiviti pelabuhan yang telah membawa penyumbang kepada pertambahan penduduk, ianya telah memberi kesan kepada Teluk Intan seperti kewujudan kawasan perniagaan, penyediaan infrastruktur yang baik, padang golf untuk warga British berekreasi sekaligus menjadi pusat pentadbiran terpenting di Hilir Perak. Namun begitu, selepas negara menghadapi krisis Perang Dunia Kedua yang berlaku sekitar tahun (1939–1945), kepentingan Teluk Intan sebagai pelabuhan semakin merosot secara mendadak. Walaubagaimanapun, perkembangan aktiviti pertanian dengan pembukaan ladang-ladang baharu oleh pihak British dapat menyelamatkan Teluk Intan daripada terus merosot perkembangannya (Khoo Kay Kim, 1982). Tambahan pula, pada masa kini negara telah berada di tahun

2023, Teluk Intan kini telah menjangkau usia 140 tahun dan sarat dengan kisah-kisah kehidupan masyarakat serta bangunan-bangunan sejarah dan kini dikenali sebagai satu destinasi syurga makanan yang terkenal di kalangan penduduk negara ini dan di Singapura (Ibrahim, 2016).

Pada masa kini Teluk Intan merupakan destinasi pelancongan yang mendapat sambutan seperti pulau bangau sebagai tarikan pelancong. Selain itu juga, Teluk Intan juga mempunyai tarikan lain seperti kisah sejarah dan perkembangan ekonomi yang turut menjadi tarikan. Malah terdapat juga Menara Condong sebagai salah satu mercu tanda yang menjadi tarikan dan sumber ekonomi (Ismail, 2013). Namun pada masa kini Teluk Intan telah menjadi satu destinasi pelancongan disebabkan bandar yang telah maju dan cantik kerana ruang dinding bangunan yang usang dan pudar telah kembali ceria dihiasi dengan lukisan- lukisan yang berkisarkan kisah sejarah yang berlaku di Teluk Intan (Abdull Manaf, 2017). Selain itu, landskap pemandaran semakin dibangunkan semula dalam fikiran pelancong. Sementara, perancang usahawan dan usahawan rekreasi telah diiktiraf sebagai sesuatu yang penting dalam pembentukan identiti dan ekonomi bandar (Fauziah Cek Leh et al., 2015).

Sejarah Pembinaan Stesen Keretapi di Teluk Intan

Proses pembinaan jalan keretapi telah dijalankan di Tapah Road sehingga ke Teluk Intan. Tujuannya adalah untuk menjalankan proses mengeksport bijih timah dari Lembah Kinta yang berlaku sekitar tahun 1880an. Sungai Perak juga merupakan pemangkin sosioekonomi negeri Perak kerana aktiviti perlombongan bijih timah dan sebagai pelabuhan serta pusat perdagangan bagi aktiviti import dan eksport secara domestik dan antarabangsa (Faizah Mohd Fakhruddin, 2022). Selain itu, pada permulaannya, menurut Noel Denison yang merupakan Supritenden Hilir Perak telah memberi pandangan supaya jalan trem dibina bagi menghubungkan Teluk Intan dengan Tapah. Cadangan itu dipersetujui oleh Sir Frederick Weld yang merupakan Residen Perak ketika itu tetapi akhirnya menemui kegagalan disebabkan halangan Sungai Bidor (Fauzi Basri, 1985). Selain itu, pada tahun 1889 Frank Swettenham yang merupakan Residen Perak bersama Spence Moss (Jurutera Penasihat kepada keretapi) dan T. Scott Gardner (Jurutera tempatan keretapi) memperakukan supaya jalan keretapi dibina bagi menghubungkan Teluk Intan dengan Tapah. Seterusnya, pendapat Swettenham dan Moss mendapat perkenan daripada Gabenor Sir Cecil Clementi Smith yang merupakan Gabenor Negeri-Negeri Selat ketika itu (Khoo Kay Kim, 1982). Pandangan yang dikemukakan oleh Khoo Kay Kim (1982) melalui penulisan daripada Ibrahim (2016), menyatakan bahawa perkhidmatan keretapi ini bukan sahaja mengangkut bijih timah tetapi memberikan kemudahan kepada penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman. Jambatan yang menyeberangi Sungai Bidor memberi banyak kemudahan kepada penduduk di Sungai Manik, Sungai Kerawai, Labu Kubong membawa hasil jualan ke Teluk Anson disamping membolehkan mereka membeli barangan keperluan di bandar. Tren yang dibawa di sepanjang laluan ini terdiri daripada lokomotif, 2 koc penumpang dan barang. Perjalanan menggunakan keretapi ke kedua-dua lokasi ini memakan masa 30 minit. Tambahan pula, Kawasan Teluk Intan merupakan kedudukan yang strategik bagi kegiatan ekonomi masyarakat setempat.



Rajah 1. Peta landasan keretapi di Teluk Anson (Teluk Intan) Perak.
(Sumber: Khoo Kay Kim, 1982)

Seperti dalam Rajah 1 merupakan peta landasan keretapi yang terdapat di Teluk Anson (Teluk Intan) Perak yang dihasilkan oleh Khoo Kay Kim, (1982). Rekaan peta ini menunjukkan laluan keretapi yang terdapat di negeri Perak menghubungkan sungai Perak. Peta ini dihasilkan bagi memberikan gambaran jelas berkenaan terusan dan landasan keretapi.

Kedudukan daerah ini begitu strategik dan menjadikan lokasi perdagangan. Pelabuhan Teluk Anson dapat dibahagikan kepada dua kategori perdagangan iaitu perdagangan domestik dan perdagangan antarabangsa. Bagi perdagangan domestik Teluk Anson adalah tumpuan kepada semua hasil keluaran kampung-kampung di Hilir Perak. Berdasarkan pandangan daripada Khoo Kay Kim (1982) lagi, barangan seperti buah-buahan, padi, atap, daun nipah, rotan, kayu-kayan dan lain-lain hasil hutan tiba di jeti Teluk Anson dengan sampan dan perahu. Barangan tersebut akan bertukar tangan dengan para pembeli atau saudagar Cina yang kemudiannya menghantar hasil tersebut ke pusat-pusat jualan yang terletak di tengah-tengah bandar terutamanya di pasar. Perdagangan antarabangsa meliputi bijih timah dan nilam (*pogostemon patchouli*) yang biasanya di eksport ke Pulau Pinang untuk dibuat minyak wangi. Teluk Anson bukanlah sebuah pelabuhan antarabangsa tetapi barangan yang dieksport akan dihantar ke Pulau Pinang dan kemudiannya dieksport ke seluruh dunia. Pelabuhan Teluk Anson juga mengimport beras, gambir, garam, candu, arak, tembakau dan lain-lain dari Pulau Pinang (Syahputra, 2018).

METODOLOGI

Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan mengumpulkan dan menganalisis sumber daripada bahan berkaitan yang menjadi sumber maklumat atau dokumen sejarah dan semasa. Di samping itu, untuk mendapatkan bahan lanjut dan mendalam, pada peringkat pertama pengkaji mendapatkan sumber data melalui sumber rujukan didapati daripada lawatan ke tapak lokasi dengan bertembual bersama masyarakat setempat dan juga temubual daripada pihak Majlis Pemandaran Teluk Intan (MPTI) untuk mendapatkan informasi yang lebih tepat. Selain itu, pendekatan ini memerlukan kajian secara lapangan untuk mengetahui lebih lanjut tentang sejarah dan perkembangan yang berlaku di Teluk Intan melalui mengumpulkan maklumat seperti gambar atau nota, rakaman dan transkrip temu bual, penerangan, dokumen peribadi, dan lain-lain dimasukkan dalam penyusunan data. Dalam kes ini, semua data dan maklumat baharu yang ditemui untuk kajian ini bergantung pada lawatan di tapak lokasi kajian yang dijalankan sebelum dan selepas hasil mural dijalankan di sekitar laluan awam. Seterusnya data yang telah diperolehi akan menjalani proses penganalisaan secara sistematik dan tersusun mengikut objektif kajian.

Berikut merupakan kerangka konseptual seperti dibawah:



Rajah 2. Kerangka konseptual menunjukkan proses pengumpulan data kajian.
(Sumber: Muhammad Salehuddin Zakaria, 2023)


Kajian kerangka konseptual seperti dalam Rajah 2 menunjukkan proses pengumpulan data bagi penyelidikan yang dijalankan. Antara prosesnya seperti perbincangan bersama Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) bagi mendapatkan informasi yang lebih tepat. Semasa perbincangan ini dijalankan, penyelidik merakam perbincangan tersebut menggunakan kaedah rekod menggunakan video dan audio sebagai rujukan dan semakan. Selain itu, gambar juga diambil sebagai pembuktian bagi tujuan pendokumentasian. Tambahan pula, penyelidik juga menemuramah penduduk setempat sebagai sumber data terpenting. Akhirnya, penyelidik juga merujuk kertas kerja, dokumen peribadi dan nota yang diperoleh dari muzium, arkib negara dan sebagainya.

DAPATAN KAJIAN

Idea dan Konsep

Penulis Proses perbincangan pihak UiTM Perak bersama pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) mengenai rekaan lukisan mural yang akan dihasilkan di lorong laluan awam yang terletak di bandar Teluk Intan seperti yang tertera pada (Rajah 3) hasil rekaan tersebut telah dihasilkan oleh bekas pelajar Program Seni Halus UiTM Cawangan Perak iaitu Izhar Yusrin Zainuddin. Manakala lakaran idea dan konsep rekaan adalah berdasarkan persetujuan dari pihak (MPTI) yang berkonsepkan pertembungan gajah dengan keretapi. Konsep ini diketengahkan dan divisualkan dalam rekaan ini berdasarkan peristiwa sejarah yang telah berlaku di Teluk Intan pada ratusan ribu tahun yang lalu.


Rekaan ini juga menggunakan perisian 'Adobe Photoshop' sebagai medium menghasilkan rekaan. Selain itu, saiz ukuran rekaan mural melalui perisian adalah selari dengan saiz dinding iaitu bersaiz 15 meter lebar dan 37.73 meter tinggi. Manakala, proses menghasilkan mural pada lorong awam bandar Teluk Intan berlaku pada 21 sehingga 26 November 2022 selama seminggu.



Rajah 3. Rekaan menggunakan perisian 'Adobe Photoshop' sebelum dilukis pada dinding
(Sumber: Rekaan Izhar Yusrin Zainuddin, 2022)

Interpretasi

Mengikut kisah sejarah yang berlaku di Teluk Intan, kisah pertembungan gajah dengan keretapi telah berlaku pada sekitar tahun 1894. Berdasarkan pandangan Mastika (2021), Sekawan gajah pada ketika itu telah menyerang gerabak keretapi secara bertentangan pada seabad yang lalu disebabkan motif dendam. Berdasarkan sumber kajian, laluan keretapi yang pertama diwujudkan pada 1 Jun 1885 yang menghubungkan laluan dari Taiping. Landasan keretapi tersebut telah dirasmikan oleh Residen Perak pada ketika itu iaitu Sir Hugh Low. Pendekatan utama pembinaan landasan tersebut adalah untuk menghubungkan kawasan perlombongan di kawasan Larut iaitu perlabuhan Port Weld.



Rajah 4. Keratan akhbar peristiwa pelanggaran gajah dengan keretapi yang berlaku di Teluk Anson (Teluk Intan)
(Sumber: Utusan Malaysia, hasil penulisan Mastika, 2021)

Kisah berlaku ketika perjalanan keretapi dari Ipoh, Perak menuju ke Kuala Lumpur yang membawa saudagar dan tauke perlombongan yang baru pulang dari melawati tapak perlombongan yang terdapat di sekitar Perak. Setelah tiba di Teluk Anson (Kini Teluk Intan), keretapi yang dipandu oleh pemandu Inggeris pada ketika itu telah diserang oleh seekor gajah jantan yang menyondol keretapi tersebut. Walaubagaimanapun, gajah jantan hadir bersama kawan gajah lain yang turut menunggu di

landasan keretapi tersebut. Rempuhan yang begitu kuat menyebabkan gajah jantan itu mati di tempat kejadian manakala keretapi tersebut tergelincir dari landasan serta menyebabkan beberapa batang rel besi tercabut dan patah menyebabkan dua orang pekerja landasan keretapi meninggal dalam kemalangan tersebut.

Menurut mastika lagi, kelajuan keretapi tersebut dipandu dalam kelajuan 40 sehingga 50 batu sejam. Muatan keretapi yang sarat dengan penumpang itu mampu ditumbangkan dengan seekor gajah yang mempunyai kekuatan dan susuk badan yang lebih besar daripada keretapi. Punca gajah jantan tersebut mengamuk adalah disebabkan untuk menuntut bela kematian anaknya yang dilanggar keretapi di kawasan yang sama sebelum kejadian pertembungan ini berlaku. Pada tahun 1888 selepas itu, terdapat seekor gajah betina turut dilanggar oleh keretapi pada lokasi yang sama. Perlanggaran tersebut menyebabkan gajah betina tersebut mati untuk mempertahankan kawanannya. Mengikut sumber kajian gajah betina tersebut merupakan anak kepada gajah jantan yang merempuh keretapi pada sebelumnya. Sebagai simbolik memperingati sejarah tersebut, tengkorak gajah tersebut telah diawetkan dan ditempatkan di muzium Perak yang terletak di bandar Taiping. Manakala tulang gajah tersebut ditempatkan di muzium KTMB. Selain itu, berdasarkan sumber kajian, gadingnya telah diambil oleh pihak british dan dibawa pulang ke England.



Rajah 5. Hasil rekaan mural yang telah dilukis pada dinding.
(Sumber: Muhammad Salehuddin Zakaria, 2022)

Ciri Pengayaan

Proses lakaran perkembangan idea penggunaan imej pertembungan gajah dengan keretapi diterjemahkan secara visual menggunakan warna yang panas dan kontras melalui gerakan seni pop. Hal ini kerana seni pop merupakan pendekatan sapuan warna yang lebih terang, kontras dan sapuan rata. Seni pop juga merupakan sebuah gerakan seni yang kehadirannya banyak dipengaruhi oleh fenomena budaya popular yang berlaku dalam masyarakat. Seni Pop melihat budaya popular untuk tujuan komersial sebagai bahan mentah yang boleh dijadikan sumber idea dalam penciptaan karya seni (Wardana, 2012). Selain itu, kesan pelbagai kualiti garisan yang terdapat pada lukisan mural ini juga memberi impak yang lebih dramatik terhadap kesan perlanggaran. Malah, penggunaan warna panas seperti kuning dan merah memberikan audien yang melihat dapat merasai impak emosi yang begitu mendalam. Gabungan warna kontras juga memberi kesan tarikan kepada pelancong.



Rajah 6. Pertembungan gajah bersama keretapi diterjemah melalui visual lukisan mural.
(Sumber: Muhammad Salehuddin Zakaria, 2022)

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil lukisan seni mural yang terdapat di Teluk Intan ini dapat menghampiri masyarakat umum, dan ianya merupakan satu jalan yang paling efektif bagi menyampaikan maklumat. Selain dari menambah nilai estetika sekeliling dan juga platform untuk menyampaikan maklumat berkaitan sejarah dan ekonomi sebagai bahan penceritaanya. Pemilihan tembok atau dinding haruslah menepati keperluannya iaitu menyalurkan aspirasi yang bertemakan apa yang ingin disampaikan dengan lebih efektif dalam persekitaran yang sesuai sebagai tontonan orang ramai. Selain itu, sejarah bertembungan gajah dan keretapi merupakan peristiwa berdarah yang dapat menjadi tauladan kepada masyarakat supaya mempunyai sikap sayang menyayangi sehingga sanggup mengorbankan nyawa. Akhir, kajian seperti ini perlu diteruskan kepada pengkaji seterusnya agar dapat mengupas cerita - cerita sejarah yang telah berlaku terutamanya di kawasan Teluk Intan. Penulisan seperti ini wajar diteruskan bagi tujuan pendokumentasian supaya dapat menjadi rujukan kepada generasi akan datang.

PENGHARGAAN

Sumbangan Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada HB Sawit Entertainment kerana memberikan geran "Penyelidikan dan University Social Responsibility (USR) bersama Program Seni Halus, UiTM Cawangan Perak dan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) bagi projek proses baik pulih mural, mural baharu dna arca timbulan di pekan Bagan Datuk untuk Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI). No Geran MPTI/T/99/2022-JKJ. Selain itu, penulis juga ingin menzahirkan penghargaan kepada penerbit "Kupas Seni" kerana menyediakan platform yang membolehkan penulis menerbitkan artikel ini.

RUJUKAN

- Abdull Manaf, M. N. (2017). Identiti tempat pelancongan bagi bandar-bandar kecil lama: kajian kes Teluk Intan dan Batu Gajah (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Ahmad, N. (1985). Kajian mengenai perkembangan bandar / pembangunan semula bandar permasalahan yang dihadapi dan cadangan-cadangan bagi penyelesaiannya. Kajian kes: Teluk Intan.
- Cahyanto, B., Rahayu, S. D., Fitria, R. N., Azizi, P. R., Al Arobi, A. S., Masrukhin, M., & Malik, A. (2020). Pendampingan pembuatan mural sebagai upaya peningkatan pendidikan karakter. *Jurnal Pembelajaran Pemberdayaan Masyarakat (JP2M)*, 1(2), 73-78.
- Endriawan, D., Maulana, T. A., & Sadono, S. (2017). Mural sebagai Media Pendidikan dan Pengabdian Masyarakat. In *Seminar Nasional Seni dan Desain 2017* (pp. 482-485). State University of Surabaya.
- Fauzi Basri. 1985. *Sejarah Keretapi Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Keretapi Tanah Melayu Fakhruddin, F. M. (2022). *Sungai Perak: Sejarah Dan Peradaban*. *Journal of Islamic*, 7(49).
- Ismail, Z. H. (2013). *Menara condong Teluk Intan*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Banci penduduk dan perumahan 2010*. *Taburan penduduk dan ciri-ciri demografi*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Khoo Kay Kim. 1982. *Teluk Anson (Teluk Intan)*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Leh, F. C., Manaf, M. N. A., & Ibrahim, M. H. (2015). Impak Kepenggunaan Tempat Terhadap Lokasi Pelancongan di Bandar Kecil Lama: Kajian Kes Kellie's Castle dan Menara Condong Teluk Intan, Perak, Malaysia: Impacts of Place Consumerism to Tourism Location on Small Old Towns: A Case Study on Kellie's Castle and Menara Condong Teluk Intan, Perak, Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(3), 29-38.
- Ibrahim, J. A., Abdul Razak, N., & Ahmad, M. Z. (2016). Tinggalan warisan di sepanjang jalan keretapi Tapah Road-Teluk Intan: kajian awalan dan potensi pemeliharaan. *Persidangan Nasional Sejarah Melayu Kepulauan Melayu*. UUM.
- Nababan, R. S. (2019). Karya Mural Sebagai Medium Mengkritisi Perkembangan Jaman (Studi Kasus Seni Mural Karya Young Surakarta). In *International Conference on Art, Design, Education, and Cultural Studies (ICADECS)*.
- Mastika. (2021). *Rempuhan keretapi Teluk Intan - Dendam sang gajah angkara anaknya mati dilanggar*. Kuala Lumpur: Utusantv.
- Syahputra, B. S. A. (2018). Socioeconomics of the Integrated Rice-fish Farmer System in Teluk Intan, Perak, Malaysia. In *International Conference on Multidisciplinary Research (The 7th ICMR 2018) Sept* (pp. 5-6).
- Wardana, K. N. H. (2012). Gaya Pop Art pada Karya Desain Grafis di Indonesia. *Prasi: Jurnal Bahasa, Seni, dan Pengajarannya*, 8(14).
- Wicandra, O. B. (2005). Berkomunikasi secara visual melalui mural di Jogjakarta. *Nirmana*, 7(2)